



Headline: Duit Tabung Haji lesap ditipu 'polis'  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 16 October 2021

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 14

## Duit Tabung Haji lesap ditipu 'polis'

**KUANTAN** – Seorang pesara guru 'berputih mata' apabila wang simpanannya berjumlah RM25,600 lesap selepas diperdaya sindiket penipuan yang menyamar sebagai polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula 20 September lalu selepas mangsa yang berumur 65 tahun dari Temerloh menerima panggilan telefon daripada wakil sebuah syarikat takaful dari Kuala Lumpur.

"Suspek memaklumkan terdapat tuntutan insurans kema-langan berjumlah RM36,800 atas nama mangsa sebelum panggilan disambungkan pula ke dua individu lain yang mengaku sebagai polis.

"Mangsa diberitahu bahawa namanya terlibat dengan kes pengumpulan wang haram berjumlah RM2.18 juta," katanya.

Menurutnya, mangsa kemudian diminta membuat penukaran kad bank miliknya dengan mendaftarkan nombor telefon baharu yang diberikan suspek bagi tujuan siasatan.

Katanya, mangsa juga diminta menghantar gambar kad bank tersebut dan gambar buku akaun Tabung Haji yang tertera nombor akaun dengan alasan untuk siasatan.

"Mangsa telah membuat se-



**ORANG ramai perlu berwaspada bagi mengelakkan duit simpanan lesap akibat ditipu.** – GAMBAR HIASAN

makan akaun di sebuah bank semalam (kelmarin) dan mendapati wang simpanannya berkurang sebanyak RM25,600 termasuk

daripada akaun Tabung Haji.

"Mangsa yang berasa ditipu kemudian membuat laporan kepada polis," katanya.